



# **PENAMATAN PERKHIDMATAN DEMI KEPENTINGAN AWAM**



# **PENAMATAN PERKHIDMATAN DEMI KEPENTINGAN AWAM**

**Bermaksud perkhidmatan seseorang pegawai  
ditamatkan kerana perkhidmatannya sebagai penjawat  
awam tidak diperlukan lagi**

**Bukan hukuman tatatertib**

**Satu prosedur tatatertib di bawah Peraturan 49 Peraturan-  
Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**



# PERUNTUKAN PENAMATAN PERKHIDMATAN DEMI KEPENTINGAN AWAM

**PERUNTUKAN 49 (3) PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI  
AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993 [P.U.(A) 395/93]**

**“Jika setelah menimbang laporan yang diterima di bawah subperaturan (1), Kerajaan berpuashati bahawa, memandangkan syarat-syarat, perkhidmatan, kegunaan pegawai itu kepada perkhidmatan, kerja dan kelakuan pegawai dan segala hal keadaan lain kes itu, adalah wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Kerajaan bolehlah menamatkan perkhidmatan pegawai itu mulai dari tarikh yang hendaklah ditentukan oleh Kerajaan”**

# KUASA PENAMATAN PERKHIDMATAN DEMI KEPENTINGAN AWAM

Y.D.AGONG SETELAH MENDAPAT NASIHAT Y.A.B. PERDANA MENTERI MENURUT PERUNTUKAN PERKARA 135 FASAL (2), PERLEMBANGAN PERSEKUTUAN

“(2) Tiada seseorang anggota mana-mana perkhidmatan yang tersebut di atas itu boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat dengan tidak diberi peluang yang munasabah untuk didengar:

Dengan syarat bahawa Fasal ini tidak boleh dipakai bagi kes-kes berikut:

(a) .....

(d) .....

Dengan syarat selanjutnya bahawa bagi maksud Perkara ini, jika perkhidmatan seseorang anggota perkhidmatan itu ditamatkan untuk kepentingan awam di bawah mana-mana undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 132(2), penamatan perkhidmatan itu tidaklah bermakna buang kerja ...”



# ASAS-ASAS PERAKUAN

## 1. BERDASARKAN PRESTASI DAN KEGUNAAN PEGAWAI SEBAGAI PEGAWAI AWAM:

- Prestasi merosot/ sangat lemah dan tiada potensi untuk memberi sumbangan kepada perkhidmatan. Kehadirannya di pejabat hanya membebankan Jabatan (sebagai *passenger*). Walaupun tindakan tatatertib yang diambil berkali-kali tetapi tidak memberi keinsafan.



## ASAS-ASAS PERAKUAN

2. Tidak sesuai diuruskan mengikut prosedur tatatertib atas alasan keselamatan negara. Jika diuruskan secara biasa, kemungkinan boleh menyebabkan rahsia kerajaan bocor atau boleh memudaratkan keselamatan negara.

3. Kesan hukuman tatatertib tidak begitu tepat dengan keadaan pegawai berkenaan.

Contoh: Pegawai hendak dikeluarkan dari perkhidmatan kerana kesalahan yang dilakukan agak berat tetapi Kerajaan masih mengambil kira sumbangan- sumbangannya dan hendak diberikan faedah saraan.

# ASAS-ASAS PERAKUAN

4. Diperakui oleh pegawai perubatan kerajaan sebagai mengguna, mengambil (selain daripada maksud perubatan), menyalahgunakan atau menagih dadah berbahaya:

**PERATURAN 7(2), PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM  
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993**





# KESAN PENAMATAN PERKHIDMATAN DEMI KEPENTINGAN AWAM

DIBAWAH PERATURAN 49PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

- Pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan
- Mendapat faedah persaraan yang disusutkan
- Pegawai dibersarakan daripada perkhidmatan awam di bawah seksyen 10(5)(d), Akta Pencen 1980



# KESAN PENAMATAN PERKHIDMATAN DEMI KEPENTINGAN AWAM

Petikan bawah seksyen 10(5)(d), Akta Pencen 1980-

“ ....

(5) Yang Dipertuan Agong, berkenaan dengan pegawai persekutuan atau pegawai persekutuan tempatan, atau Pihak Berkuasa Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, boleh menghendaki mana-mana pegawai supaya bersara daripada perkhidmatan awam” -

.....

(d) atas alasan bahawa pekerjaan pegawai itu telah ditamatkan demi kepentingan awam;

.....”

# PENGURNIAAN FAEDAH PERSARAAN DI BAWAH SEKSYEN 13 AKTA PENCEN 1980

“13. Yang diPertuan Agong boleh, jika difikirkannya patut, memberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah kepada seseorang pegawai yang bersara di bawah seksyen 10(5)(d) ....., tetapi amaunnya tidak lebih daripada amaun yang pegawai itu sepatutnya layak mendapat jika sekiranya pencen, ganjaran atau lain-lain faedahnya itu dihitung berdasarkan lama yang sebenarnya perkhidmatannya yang boleh dimasukira.”

Ada unsur penalti sekiranya faedah persaraan pegawai disusutkan. Walaupun ada unsur penalti, penamatan demi kepentingan awam bukan pembuangan kerja selaras dengan peruntukan PERKARA 135 FASAL (2), PERLEMBANGAN PERSEKUTUAN.




# PROSEDUR PENAMATAN

## 1. LAPORAN DIKEMUKAKAN OLEH KETUA JABATAN ATAU MANA-MANA PIHAK KEPADA KERAJAAN BERSAMA PERAKUAN PERATURAN 49(1)


“.....Jika kerajaan mendapati atau jika representasi dibuat kepada kerajaan bahawa adalah wajar perkhidmatan seseorang pegawai ditamatkan demi kepentingan awam, kerajaan bolehlah meminta laporan yang penuh daripada Ketua Jabatan di mana pegawai itu sedang berkhidmat atau telah berkhidmat”

- Perakuan boleh dibuat oleh kerajaan
- mana-mana pihak kepada kerajaan:
  - \* Ketua Jabatan
  - \* Pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan




## LAPORAN DAN PERAKUAN PENAMATAN DI KEMUKAKAN KEPADA BAHAGIAN PERKHIDMATAN, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM YANG BERTINDAK SEBAGAI URUS SETIA

2. **Urus setia menyemak laporan dan dapatkan maklumat tambahan daripada ketua jabatan jika maklumat tidak lengkap**
3. **Urus setia menyediakan memorandum untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib (JKTT)**
4. **Jika JKTT setuju, satu memorandum penamatan di hantar kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan dan satu salinan dikemukakan ke Bahagian Pecen JPA untuk penentuan kadar faedah persaraan**
5. **Ulasan daripada Jabatan Peguam Negara diterima. Jika maklumat tambahan diperlukan dapatkan daripada Ketua Jabatan.**



## LAPORAN DAN PERAKUAN PENAMATAN DI KEMUKAKAN KEPADA BAHAGIAN PERKHIDMATAN, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM YANG BERTINDAK SEBAGAI URUS SETIA

6. Memorandum dikemukakan kepada KPPA untuk diangkat kepada Y.A.B Perdana Menteri bagi mendapat keputusan
7. Jika Y.A.B Perdana Menteri bersetuju, Nasihatkan YDP Agong untuk penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam
8. Memorandum dihantar kepada Seri Paduka yang diPertuan Agong untuk mendapat perkenan
9. Jika Seri Paduka Yang diPertuan Agong memberi perkenan, dapatkan maklumat baki cuti rehat pegawai daripada Kementerian/ Jabatan.



## **LAPORAN DAN PERAKUAN PENAMATAN DI KEMUKAKAN KEPADA BAHAGIAN PERKHIDMATAN, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM YANG BERTINDAK SEBAGAI URUS SETIA**

- 10. Tetapkan tarikh penamatan selepas pegawai menghabiskan cuti rehatnya**
- 11. Urus setia sediakan surat keputusan kuatkuasa penamatan pegawai untuk tandatangan KPPA**
- 12. Surat keputusan dihantar kepada pegawai melalui Ketua Jabatan**



**SEKIAN  
TERIMA KASIH**